

RUJ. KAMI (OUR REF) :

UMP.02.01/10.12/2/1 (4)

6 Jun 2012

RUJ. TUAN (YOUR REF) :

Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tuan/Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 4 TAHUN 2012 :
PELAKSANAAN UMP ENGLISH PROFICIENCY TEST (EPT) SEBAGAI
MENGANTIKAN INTERNATIONAL ENGLISH LANGUAGE TESTING SYSTEM
(IELTS) UNTUK TUJUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF AKADEMIK
DAN BUKAN AKADEMIK**


Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 4 Tahun 2012 mengenai Pelaksanaan UMP *English Proficiency Test* (EPT) Sebagai Mengantikan *International English Language Testing System* (IELTS) Untuk Tujuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan Staf Akademik Dan Bukan Akademik untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(SABAREHAN BINTI HAJI ISMAIL)
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k : YH Dato' Naib Canselor

SBI/sms
d: Pekeliling/ Pekeliling Pentadbiran/surat/ 2012

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 4 TAHUN 2012

**PELAKSANAAN UMP ENGLISH PROFICIENCY TEST (EPT) SEBAGAI
MENGGANTIKAN *INTERNATIONAL ENGLISH LANGUAGE TESTING SYSTEM*
(*IELTS*) UNTUK TUJUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN
STAF AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai pelaksanaan *English Proficiency Test (EPT)* bagi menggantikan *International English Language Testing System (IELTS)* untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan staf.

LATARBELAKANG

2. Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang telah bersetuju untuk memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan semua staf di Universiti Malaysia Pahang. Mulai tahun 2010 semua pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan baharu di Universiti Malaysia Pahang telah diberi keutamaan kepada calon-calon yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

3. Bagi maksud pengesahan dalam perkhidmatan, staf Akademik dikehendaki mendapat kelulusan Band 6.0 bagi *International English Language Testing System (IELTS)* atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya dan staf dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dikehendaki melepasi tahap kecekapan Bahasa Inggeris

dengan mendapat kelulusan Band 5.0 bagi *International English Language Testing System (IELTS)* atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. Manakala staf Kumpulan Sokongan (gred 17 hingga 29) dikehendaki menghadiri dan lulus dengan jayanya **Kursus Bahasa Inggeris** anjuran UMP bagi memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

4. Walau bagaimanapun melalui Mesyuarat JKPU bertarikh 9 Mei 2012, pihak pengurusan universiti telah memutuskan pelaksanaan UMP *English Proficiency Test (EPT)* sebagai penanda aras tahap kemahiran berbahasa Inggeris yang menggantikan *IELTS* untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

5. Peperiksaan yang dicadangkan mempunyai format selaras dengan dua (2) komponen *IELTS* dan menggunakan kaedah pengukuran yang sama. UMP-EPT mempunyai tiga (3) komponen iaitu *Reading, Writing dan Grammar*.

PELAKSANAAN

6. Dalam melaksanakan dasar memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dan menanda aras tahap kemahiran Bahasa Inggeris dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang, selaras dengan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil.4 Tahun 2010 dan Pelan Strategik UMP 2011-2015, tahap yang perlu dicapai oleh staf UMP adalah dipinda seperti berikut ;

6.1 Syarat Pengesahan dalam Perkhidmatan

6.1.1 Kumpulan Pengurusan dan Profesional

- (a) Pegawai dalam tempoh percubaan dikehendaki menghadiri Kursus Persediaan Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh pihak universiti; dan
- (b) Pegawai juga dikehendaki mendapat kelulusan **UMP *English Proficiency Test (EPT)* dengan aras minimum 5.0.**

6.1.2 Staf Akademik

- (a) Pegawai dalam tempoh percubaan dikehendaki menghadiri Kursus Persediaan Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh pihak universiti; dan
- (b) Pegawai juga dikehendaki mendapat kelulusan **UMP English Proficiency Test (EPT) dengan aras minimum 6.0.**
- (c) Walau bagaimanapun staf akademik yang mengambil *IELTS* untuk tujuan permohonan cuti belajar **boleh** menggunakan *IELTS* untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan sekiranya tempoh kelulusan tidak melebihi dua(2) tahun.

6.1.3 Kumpulan Sokongan

- (a) Syarat kehadiran dan kelulusan Bahasa Inggeris bagi Kumpulan Sokongan untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan adalah kekal sebagaimana peraturan dalam Pekeliling Pentadbiran Bil. 4 Tahun 2010.
- (b) Pegawai dalam gred 17 hingga 29 dikehendaki hadir dan lulus dengan jayanya Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris anjuran universiti bagi memenuhi syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

6.2 Manakala syarat kelulusan dan kelayakan bagi pelantikan staf baharu adalah dikekalkan sebagaimana Pekeliling Pentadbiran Bil.4 Tahun 2010 para 4.1 dan syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 6 tahun 2006 juga adalah dikekalkan.

6.3 Universiti akan menanggung yuran bagi peperiksaan EPT / IELTS bagi kali pertama sahaja.

TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN

7. Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa hanya staf yang menduduki peperiksaan UMP *English Proficiency Test* bagi kali pertama untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dibenarkan membuat tuntutan yuran peperiksaan. Tuntutan hendaklah dibuat mengikut prosedur yang sedia ada dengan menggunakan resit sebagai bukti pembayaran. Bagi pegawai yang menduduki peperiksaan kali kedua atau seterusnya, yuran peperiksaan hendaklah ditanggung sendiri oleh pegawai berkenaan.

TARIKH KUATKUASA

8. Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh: 04 Jun 2012

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (UMP Pekan)

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan/Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)